

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 4()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA
BIL. 09 TAHUN 2018**

Tarikh : 26 September 2018 (Rabu)
Masa : 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari
Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu Pejabat,
Majlis Perbandaran Subang Jaya
Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh YM Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik, Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 PERUTUSAN Pengerusi

Puan Yang Dipertua memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh MPSJ yang ke 9/2018. Seterusnya beliau menyampaikan beberapa perkara seperti berikut :

- i) Puan Yang Dipertua memaklumkan mengenai pelaksanaan program-program yang telah berlangsung sepanjang bulan September 2018. Gambar-gambar semasa program dilaksanakan juga ditayangkan.

- ii) Seterusnya, Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa beliau telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Kerajaan Tempatan yang telah dilaksanakan di Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ). Beliau membuat perkongsian berkaitan Sistem Bandar Pintar yang telah dibangunkan di MBPJ.

Bandar pintar merupakan hasrat Kerajaan Negeri Selangor dengan menggariskan 12 domain utama. MPSJ terlibat dengan beberapa domain yang telah digariskan dan berhasrat untuk membangun secara lestari dan bestari sejajar dengan tagline MPSJ.

Matlamat bandar pintar tidak mengubah apa yang telah ditetapkan dalam visi dan misi MPSJ. Beliau memaklumkan bahawa perkara penting yang perlu ada di dalam kompenan bandar pintar adalah bagaimana cara MPSJ menggunakan kemudahan teknologi dan capaian maklumat (Internet Of Things) kepada orang awam. MPSJ harus bijak dan bestari menggunakan teknologi semasa dalam aspek pengurusan bandar.

MPSJ telah membangunkan sistem GIS (*Geographic Information System*) yang merupakan sebuah sistem pengurusan maklumat berkomputer yang berfungsi untuk tujuan pengurusan maklumat, pengolahan, penganalisan dan pengeluaran maklumat yang berkaitan data berbentuk peta/pelan. Sistem ini menjadi asas kepada MPSJ dan ianya akan dihubungkan dengan sistem/perisian yang lain seperti pengaliran trafik dan lain-lain.

Beliau berharap dengan pelaksanaan menyeluruh dalam capaian maklumat (Internet of Things), MPSJ akan mencapai taraf bandar pintar yang bestari dan lestari sebagaimana hasrat Kerajaan Negeri dan penduduk di kawasan pentadbiran MPSJ dalam mendapat kehidupan yang lebih baik dan harmoni.

- iii) Selain daripada itu, Puan Yang Dipertua turut berkongsi mengenai Program Subang Jaya Lestari : Upcycling MPSJ 2018 yang telah dilaksanakan pada 22 September 2018 yang mensasarkan MPSJ sebagai sebagai bandar yang lestari untuk diwarisi generasi akan datang.

Program yang dilaksanakan telah mencapai objektif dengan melaksanakan penyampaian maklumat menyeluruh berkaitan kitar semula kepada wakil-wakil JKP di kawasan MPSJ. Beliau mengucapkan terima kasih kepada Ahli Majlis dan wakil-wakil JKP yang telah hadir semasa program tersebut dan berharap wakil yang hadir dapat membuat perkongsian ilmu berkenaan kitar semula kepada masyarakat dan komuniti masing-masing. Penyampaian maklumat yang menyeluruh kepada komuniti diharapkan dapat menggalakkan gaya hidup rendah karbon di kalangan penduduk sekaligus dapat membendung fenomena pemanasan global yang akan memberi kesan buruk kepada ekosistem dan bumi.

Puan Yang Dipertua turut memaklumkan bahawa MPSJ telah memberi perakuan bahawa setiap Jawatankuasa Penduduk boleh menggunakan peruntukan Ahli Majlis bagi membina satu pusat kitar semula di lokasi masing-masing menggunakan bahan-bahan daripada kitar semula. Beliau memaklumkan bahawa, pada masa kini telah wujud syarikat yang melaksanakan mekanisme bagi menukarkan barangan kitar semula kepada kredit yang boleh ditebus dengan pembelian tiket wayang, pembelian kredit talian telefon dan lain-lain. MPSJ juga turut melaksanakan kaedah 'Trash to Cash' iaitu memberi nilai kepada barangan kitar semula dengan menukarkan barangan tersebut kepada barangan cenderamata MPSJ yang menarik seperti mug, *t-shirt*, *key chain* dan banyak lagi.

Selain usaha-usaha MPSJ dalam mensasarkan Bandar Hijau MPSJ pada tahun 2030, penduduk juga harus memainkan peranan yang lebih berkesan kepada alam sekitar bagi mengurangkan kemudaratan kepada ekologi dan persekitaran dengan mengamalkan gaya hidup rendah karbon.

- iv) Puan Yang Dipertua turut memaklumkan berkaitan Pengisytiharan Kepentingan Peribadi Bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytiharkan kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan dan hendaklah berkecuali dengan (menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika) semasa perbincangan.

v) Puan Yang Dipertua telah memaklumkan mengenai program yang akan dilaksanakan sepanjang bulan Oktober 2018 seperti berikut :

i) Lab / Dialog Bajet Pintar MPSJ 2019

MPSJ akan melaksanakan dialog bajet pintar MPSJ sebelum memutuskan bajet bagi tahun 2019 pada :

Tarikh : **29 September 2018 (Sabtu)**
Masa : **8.00 pagi – 1.00 petang**
Tempat : **Dewan MPSJ USJ 7,
Subang Jaya**

Dialog ini bertujuan mendapatkan input serta cadangan dan pandangan daripada pelbagai pihak termasuk wakil Jawatankuasa Penduduk di dalam kawasan pentadbiran Majlis. Ahli Majlis dijemput hadir bersama ahli Jawatankuasa Penduduk masing-masing agar penyediaan bajet Bandar Pintar MPSJ lebih efisien.

ii) Majlis Penyampaian Sumbangan Program Kesejahteraan Masyarakat Bandar (PKMB) MPSJ 2018

Majlis Penyampaian Sumbangan ini yang melibatkan Anak-Anak Yatim, Ibu Tunggal, Golongan Kurang Berkemampuan dan Orang Kurang Upaya (OKU) akan diadakan seperti berikut :

Tarikh : **06 Oktober 2018 (Sabtu)**
Masa : **2.00 petang – 5.00 petang**
Tempat : **Kompleks 3K SS13,
Subang Jaya**

Majlis ini diadakan bagi membantu golongan kurang berkemampuan selaras dengan konsep peduli rakyat di samping mengeratkan dan memperkukuhkan hubungan baik yang sedia ada terjalin di antara MPSJ, JKP dan penduduk. Penyampaian sumbangan adalah berbentuk wang tunai sebanyak RM 200.00 kepada 15 orang penerima bagi setiap zon JKP MPSJ.

iii) Program Seni Budaya MPSJ 2018

Program Seni Budaya MPSJ akan diadakan pada :

Tarikh : **13 Oktober 2018 (Sabtu)**
Masa : **8.30 malam – 10.00 malam**
Tempat : **Summit USJ, Subang Jaya**

Pelbagai aktiviti yang menarik akan diadakan seperti pertandingan muzik kitar semula, pertandingan nyanyian tradisional, pertandingan kebudayaan warisan sekolah sejahtera, persembahan tarian singa, persembahan tarian klasik india, persembahan gendang 24 musim, pameran daripada agensi luar seperti PADAT, JKKN, Tourism Selangor dan Malaysia, *booth* promosi kelas muzik, persembahan tarian sewang dan demo menyempit serta *booth* jualan.

iv) Program Karnival Kebudayaan Dan Kesenian Orang Asli
MPSJ 2018

Program Karnival Kebudayaan Dan Kesenian Orang Asli
MPSJ akan diadakan pada :

Tarikh : **20 Oktober 2018 (Sabtu)**
Masa : **10.00 pagi – 7.00 petang**
Tempat : **Padang Perkampungan
Orang Asli Sungai Rasau,
Batu 14 Puchong**

Pelbagai aktiviti yang menarik akan diadakan seperti pertandingan menyumpit, pertandingan karaoke terbuka, pertandingan pakaian tradisional beragam orang asli, pertandingan panjat batang licin, sukaneka, pertandingan tarik tali terbuka, pertandingan mewarna, pameran dan jualan kraftangan orang asli, persembahan tarian tradisional orang asli kaum Temuan dan Mahmeri dan pameran daripada agensi luar seperti JKKN (Selangor), PADAT, JAKOA, PDRM, Kementerian Kesihatan Malaysia dan sebagainya.

- v) Program Usaha Sama Pembangunan Komuniti Dalam Menangani Cabaran Peningkatan Kos Sara Hidup Di Pangsapuri Enggang Bandar Kinrara

Program Usaha Sama Pembangunan Komuniti akan diadakan pada :

Tarikh : **28 Oktober 2018 (Ahad)**
Masa : **7.30 pagi – 2.00 petang**
Tempat : **Pangsapuri Enggang
Bandar Kinrara**

Program ini merupakan inovasi sosial dalam memberdaya komuniti bagi membantu mereka mengatasi cabaran peningkatan kos sara hidup di samping menangani masalah kemiskinan bandar.

Program ini juga mendokong agenda dan matlamat di bawah *Sustainable Development Goal* (SDG) khususnya dalam mengatasi isu kemiskinan dan memastikan keamanan dan kesejahteraan sejagat.

Pelbagai aktiviti yang menarik akan diadakan seperti permainan interaktif dan tradisional, program membaca, kelas kulinari, kelas seni kreatif, kelas muzik, klinik *soccer kids*, klinik bola jarring, pertandingan sepakan penalti, pemeriksaan kesihatan, pertandingan mewarna dan *free market*.

vi) Minggu Kesihatan MPSJ Dan Karnival Sihat Selangor
Peringkat MPSJ 2018

Minggu Kesihatan MPSJ diadakan bertujuan memberikan pendedahan dan kesedaran kepada kakitangan Majlis khususnya dan penduduk dalam kawasan pentadbiran MPSJ umumnya dalam mengamalkan cara hidup sihat dan selamat dalam kehidupan seharian. Program ini dilaksanakan pada 8 hingga 13 Oktober sempena bulan kesihatan sedunia di mana pada bulan tersebut terdapat Hari Mental Sedunia (10 Oktober 2018), dan Bulan Kesedaran Kanser Payudara dan bertemakan Wanita Pemangkin Generasi Sihat.

Program ini merupakan julung kali dianjurkan oleh Jabatan Kesihatan dengan kerjasama beberapa agensi luar seperti PKD Petaling, MARDI, hospital-hospital swasta, JKPP Selangor, BOMBA, POLIS, AADK dan beberapa agensi kerajaan dan swasta yang lain. Kehadiran dan penglibatan terbuka kepada semua kakitangan Majlis, Ahli Majlis dan penduduk di kawasan MPSJ.

Program Karnival Sihat Selangor yang akan diadakan pada 13 Oktober 2018 dijangka dirasmikan oleh Y.B. Dr. Siti Mariah bin Mahmud, EXCO Jawankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga.

vii) Program Selamatkan Bumi Hijau Mpsj 2018 Dan Program Pagi Tanpa Kenderaan (Car Free Morning) MPSJ

Pelaksanaan program Selamatkan Bumi Hijau MPSJ 2018 dan program Pagi Tanpa Kenderaan (Car Free Morning) MPSJ merupakan salah satu langkah bagi merealisasikan visi MPSJ bagi menjadi PBT terunggul bertaraf antarabangsa berteraskan Perbandaran Bestari, Kota Niaga dan Kediaman Idaman.

Program ini merupakan inisiatif Majlis ke arah menggalakkan amalan gaya hidup sihat kepada komuniti setempat dan pendekatan pihak Majlis dalam menggalakkan pengurangan penggunaan kenderaan persendirian dikalangan penduduk MPSJ dengan menggalakkan penggunaan pengangkutan awam sekaligus dapat mengurangkan kadar pencemaran udara sejajar dengan usaha Majlis bagi mencapai Bandar Hijau Rendah Karbon menjelang 2030. Program ini akan diadakan seperti berikut :

Tarikh : **28 Oktober 2018 (Ahad)**
Masa : **7.00 pagi – 10.00 pagi**
Tempat : **Sebahagian Jalan Kemajuan
Subang**

Penutupan jalan akan melibatkan sebahagian Jalan Kemajuan Subang (sepanjang 950 meter) bermula dari persimpangan di antara Persiaran Jengka dan Jalan Kemajuan Subang (Persimpangan Subang Parade) sehingga persimpangan di antara Persiaran kewajipan dan Jalan Kemajuan Subang (Mesin Niaga).

Pelbagai aktiviti menarik akan dilaksanakan seperti kayuhan hidup sihat, morning walk @ MPSJ, pemeriksaan kesihatan dan kempen kesihatan, Eco Free Market, persembahan *unplugs combo* MPSJ, program sekolah sejahtera, program gedung ilmu, waste to wealth dan banyak lagi.

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 08/2018

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 08 Tahun 2018 yang telah diadakan pada 29 Ogos 2018 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.2 & m/s 1	Encik Yap Kok Weng	Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 15/2018 bertarih 2 Ogos 2018	Beliau meminta agar disemak perkara berkaitan : i) Pemansuhan yang dinyatakan dalam maklumbalas ii) Keputusan nombor 3 berkaitan pembinaan jejantas pejalan kaki

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>awam ke kawasan linear park.</p> <p>Maklumbalas :</p> <p>Puan Yang Dipertua meminta Jabatan membuat pindaan minit dengan menggugurkan perkataan pemansuhan kerana mesyuarat OCS telah bersetuju syarikat perlu membangunkan kawasan lapang (seberang jalan) dengan kadar yang minima supaya penduduk boleh melaksanakan aktiviti riadah seperti jogging. Bagi keputusan nombor 3, Jabatan diminta membuat pembedulan minit daripada pembinaan jejantas kepada laluan pejalan kaki.</p> <p>Tindakan : Jabatan OSC</p>

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 17/2018 bertarikh 5 September 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 18/2018 bertarikh 19 September 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.2 & m/s 6	Encik Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk : OWL Development Sdn. Bhd	Beliau meminta agar MPSJ mengkaji semula tanah yang dimiliki oleh syarikat tersebut kerana terdapat kekeliruan berkaitan laluan keluar masuk bagi pembangunan ini. Maklum balas : Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa dari segi dasar, setiap pembangunan perlu mempunyai laluan keluar masuk yang sah. Laluan terus daripada lebuh raya adalah tidak dibenarkan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>melainkan tanah tersebut merupakan milik lebuhraya. Tanah tersebut telah diberi hak milik oleh Kerajaan kepada syarikat dan mereka mempunyai kebenaran untuk menggunakan jalan dalam. Walau bagaimanapun, perkara berkaitan penggunaan jalan dalam telah dibangkitkan dalam mesyuarat Jawatankuasa OSC kerana penggunaan jalan dalam akan menyebabkan masalah trafik yang teruk. Mesyuarat mengambil maklum berkaitan perkara tersebut.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>

5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 08/2018 bertarikh 6 September 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 1.1 & m/s 1	Encik Keshmin	Alternative route untuk ke	Beliau menanyakan berkaitan bilangan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
		der Singh a/l K.Karam Singh	USJ 2, USJ 5, USJ 6 dan kawasan USJ	<p>kemalangan yang berlaku sepanjang pelaksanaan pengurusan lalulintas ini dan adakah punca kekurangan papan tanda menjadi penyebab kemalangan ini berlaku.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Pengarah Kejuruteraan memaklumkan bahawa sepanjang pelaksanaan pengurusan lalulintas dilaksanakan sebanyak 6 kemalangan telah dilaporkan. Kemalangan ini berpunca daripada sikap degil pemandu yang melanggar arahan yang ditetapkan.</p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa MPSJ akan melaksanakan tindakan penambahbaikan bagi menangani masalah yang berlaku.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>
2.		Encik Frankie Koh Eng Kee		Beliau menanyakan adakah MPSJ akan melaksanakan kajian semula berkaitan pelaksanaan pengurusan lalulintas ini untuk jangka masa panjang.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa tindakan penguraian trafik yang dilaksanakan adalah hasil daripada kajian yang telah dilaksanakan sebelum ini. Majlis perlu melihat impak pelaksanaan secara menyeluruh dan bukan hanya tertumpu kepada perkara tertentu sahaja.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>

5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Bil. 7/2018 bertarikh 7 September 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.2 & m/s 4	Encik Mohan Singh A/L Surtar Singh	Pembuangan Sampah Haram	<p>Beliau ingin tahu siapakah yang akan menganggotai Jawatankuasa Kecil bagi isu pembuangan sampah haram dalam kawasan MPSJ.</p> <p>Maklumbalas :</p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa bagi</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>isu pembuangan sampah haram, MPSJ telah memfokuskan terhadap sampah binaan, sampah pukal dan sampah longgok. MPSJ akan melihat keperluan dan ahli majlis yang akan terlibat dalam jawatankuasa ini dan akan dipengerusikan oleh Setiausaha Perbandaran.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekita</p>

5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Bil. 06/2018 bertarikh 12 September 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 08/2018 bertarikh 13 September 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.2 & m/s 5	Encik Yap Kok Weng	Laporan Inden JKP MPSJ sehingga	Beliau memohon untuk disediakan satu senarai kepada setiap Ahli Majlis berkaitan jumlah baki inden

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			bulan jun 2018	yang terkini bagi setiap JKP. Maklumbalas : Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa Ahli Majlis boleh menyemak baki terkini inden JKP masing-masing di Jabatan Pembangunan Masyarakat. Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kawalan Perniagaan Bil. 08/2018 bertarikh 18 September 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 11.1 & m/s 26	Encik Yap Kok Weng	Hal-Hal Lain – Ahli Mesyuarat Teknikal Penjaja	Beliau meminta supaya mesyuarat bersetuju dengan permohonan melantik kesemua Ahli Majlis Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kawalan Perniagaan sebagai ahli Mesyuarat Teknikal Penjaja. Maklumbalas : Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa Jawatankuasa Kecil adalah sebahagian daripada

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Jawatankuasa Induk. Mesyuarat memutuskan bahawa ahli majlis yang akan menghadiri Mesyuarat Teknikal Penjaja adalah mengikut kawasan / lokasi penjaja yang dibincangkan.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Pelesenan</p>

5.10 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 08/2018 bertarikh 18 September 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.1 & m/s 2	Encik Yap Kok Weng	<p>Cadangan penetapan Harga Jual Beli Unit kontra MPSJ bagi Projek Cadangan Usaha Sama di antara Realiti Padu Sdn. Bhd bagi Program Penempatan dan Pembangunan Semula Setinggalan di</p>	<p>Beliau mempersoalkan sebab penolakan penjualan 4 unit kontra rumah teres 3 tingkat oleh MetroWorld Realty Sdn. Bhd.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa harga asal yang telah dinilai adalah sebanyak RM 977 ribu. Mesyuarat menolak penjualan yang ditawarkan oleh</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			Belakang Pasar FAMA, Jalan Jurutera, Batu 13, Puchong	MetroWorld Realty Sdn.Bhd kerana harga yang ditawarkan adalah lebih rendah daripada harga jualan yang ditetapkan. Mesyuarat berpendapat, MPSJ perlu mencuba untuk menjual aset tersebut pada harga asal yang dinilai. Walau bagaimanapun, sekiranya dalam tempoh 2 hingga 3 bulan harga masih tidak meningkat, MPSJ akan membuat pertimbangan semula terhadap cadangan penjualan aset tersebut. Tindakan : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

6.0 HAL-HAL LAIN

6.1 RANCANGAN TEMPATAN SUBANG JAYA 2035 – STATUS PENYEDIAAN DAN PELAKSANAAN PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM

Kertas mesyuarat ini disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan telah dibentangkan oleh Timbalan Pengarah Perancangan Bandar

.
Keputusan Mesyuarat :

- i) Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima pembentangan kertas mesyuarat tersebut.
- ii) Puan Yang Dipertua meminta semua cadangan / persoalan dan bantahan diserahkan kepada Jabatan Perancangan Bandar.

6.2 NOTIS USUL – CADANGAN MELANTIK KDEB BAGI KERJA-KEERJA KUTIPAN SAMPAH DAN PEMBERSIHAN DI KAWASAN PENTADBIRAN MPSJ

Notis usul ini telah dibentangkan oleh Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh, Ahli Majlis MPSJ.

Keputusan mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** untuk melaksanakan perkara berikut :

- i) Mewujudkan *ad hoc committee* yang di pengurusikan oleh Setiausaha Perbandaran dan melibatkan 5-6 orang Ahli Majlis yang dipilih.
- ii) Cadangan-cadangan yang dikemukakan akan dipanjangkan kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk pertimbangan.

Tindakan : Pengurusan Alam Sekitar

7.0 PENUTUP

Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengahari. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan **Oktober 2018** akan diadakan pada **31 Oktober 2018 (Rabu)** jam 10.00 pagi.

Tarikh Disediakan : 26 September 2018

" MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.
Timbalan Yang Dipertua
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(NORAINI BINTI ROSLAN), S.I.S., P.P.T
Yang Dipertua
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------|
| 1. | Puan Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T
Yang Dipertua | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha |
| 3. | Encik Yap Kok Weng | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |
| 5. | Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim | - | " |
| 6. | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim | - | " |
| 7. | Encik M Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 8. | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin | - | " |
| 9. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | " |
| 10. | Puan Kavitha a/p Chandragesan | - | " |
| 11. | Encik Ismail Kamal bin Abdul Rahman | - | " |
| 12. | Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh | - | " |
| 13. | Thomas Low Yew Sin | - | " |
| 14. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 15. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 16. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 17. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 18. | Encik Thamilarasu Sandayan | - | " |
| 19. | Encik Wong Yii Seang | - | " |

- | | | | |
|-----|--|---|---|
| 20. | Encik Lee Jen Uyin | - | " |
| 21. | Puan Ng Seow Chen | - | " |
| 22. | Encik Abbas Salimmi bin Che Adzmi @ Azmi | - | " |
| 23. | Encik Frankie Koh Eng Kee | - | " |
| 24. | Dato' Kamaruzaman bin Ibrahim | - | " |
| 25. | Encik Ahmad Faidzal bin Mohamed | - | " |

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Puan Hamizun binti Hj. Mohamad Basar, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
3. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
4. Encik Muhammad Zaki bin Yusof
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
5. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
6. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan
7. Puan Hjh. Aida binti Omar
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
8. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil

9. Puan Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
10. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Pelesenan
11. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Audit Dalam
12. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
13. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
14. Encik Muhd Hasnizam bin Hassan
Pengarah, Jabatan COB
15. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi
Pengarah, Jabatan OSC
16. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
17. Puan Rosmawati binti Zainuddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
18. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti
19. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
20. Puan Nurli Izwan bin Hj Othman
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
21. Puan Siti Mahirah binti Sidik
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang

22. Encik Mohd Nor Affandi bin Isa
Juru Ukur Bahan, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. TPr. Ismail bin Muhamad
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
2. Puan Hjh Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang

URUS SETIA

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
4. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan